

19/02/1998

Pemimpin BN hadir konvensyen

KOTA KINABALU, Rabu - Kira-kira 2,100 pemimpin pelbagai peringkat parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah akan menghadiri konvensyen kedua BN negeri yang dijadual dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini Jumaat ini.

Konvensyen sehari bertemakan "Keadilan untuk semua" itu akan diadakan di Auditorium Yayasan Sabah, Teluk Likas, dekat sini bermula jam 9.30 pagi.

Ketua Menteri merangkap Pengerusi BN Sabah, Datuk Yong Teck Lee akan turut menyampaikan ucapan pada konvensyen itu, manakala Setiausaha Agung BN, Datuk Mohamed Rahmat membentangkan kertas kerja mengenai tema konvensyen pada sebelah tengah hari.

Pengerusi penganjur, Mohd Shah Salleh, berkata Yong juga akan menggulung perbahasan dan menutup konvensyen itu pada sebelah petang.

Sembilan parti komponen Sabah ialah Umno, Parti Maju Sabah (SAPP), Angkatan Keadilan Rakyat Bersatu (Akar Bersatu), Parti Liberal Demokratik (LDP), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Parti Demokratik Sabah (PDS), MCA, Gerakan dan MIC.

Mohd Shah yang juga Ketua Setiausaha Politik di Sabah berkata setiap wakil yang membahaskan mengenai topik konvensyen akan diberi masa 10 minit.

"Untuk mengelak ahli dan penyokong komponen BN yang akan hadir untuk mendengar ucapan Perdana Menteri, penganjur menyediakan siaran tv tertutup yang membolehkan orang ramai mengikutinya dari bahagian foyer auditorium berkenaan," katanya.

Katanya, antara yang dijemput ialah Setiausaha Politik, Pemimpin Kemajuan Rakyat (PKR), bekas peserta seminar BN, ahli jawatankuasa dan majlis tertinggi parti komponen, ahli jawatankuasa bahagian serta pemimpin masyarakat seperti Ketua Anak Negeri (KAN).

Konvensyen itu adalah yang kedua dianjurkan BN Sabah selepas konvensyen pertama pada November 1996 yang dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sementara itu, Dr Mahathir yang dijadualkan tiba esok untuk lawatan rasmi dua hari ke Sabah mempunyai aturcara yang sibuk.

Sejurus tiba, Perdana Menteri dijadual melancarkan Institute for Indigenous Economic Progress Sabah (INDEP), disusuli lawatan ke Nexus Karambunai Resort di Tuaran sebelum terbang dengan helikopter ke Kudat untuk merasmikan projek Nusantara Steel Mill.

Pada malamnya, Dr Mahathir akan menghadiri majlis Kongsida Raya di Pusat Perdagangan Sabah (STC) di Likas, dekat sini.

Keesokannya, selain merasmikan konvensyen BN, Perdana Menteri juga dijadual menghadiri solat Jumaat di Masjid Negeri dan disusuli jamuan tengah hari di Istana Negeri, di sini.

(END)